

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 14**

**TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memulakan pembinaan semula Klinik Kesihatan Long Napir (retender) yang sudah sekian lama terbengkalai.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 6) Long Napir, Limbang telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2014. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS) dengan Fasa Pembinaan bermula pada 3 Oktober 2016 dan dijadualkan siap pada 5 Mei 2018. Walau bagaimanapun, projek ini gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 12 Jun 2018.

Projek Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Klinik Kesihatan (Jenis 6) Long Napir, Limbang telah ditender pada 16 Mac 2019 dan ditutup pada 15 April 2019. Walau bagaimanapun, pelantikan kontraktor tidak dapat diteruskan berikutan harga yang ditawarkan

## **NO SOALAN : 14**

melebihi daripada harga anggaran jabatan. Lembaga Tender Pusat Persekutuan Sarawak (FCTB) seterusnya telah bersetuju supaya projek ini ditender semula setelah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengemukakan kelulusan kenaikan kos projek.

KKM bersama JKRS dan agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**  
**[ PASIR GUDANG ]**  
**TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 15**

**Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan ke atas kedudukan kewangan Malaysia akibat kenaikan harga minyak dunia selepas berlaku serangan drone ke atas pangkalan minyak di Arab Saudi baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi terbuka terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran luaran termasuk ketidakstabilan harga minyak global yang memberi kesan ke atas hasil Kerajaan. Tanpa mengambil kira dividen khas PETRONAS secara *one-off* sebanyak RM30 bilion, anggaran hasil berkaitan petroleum bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM51.4 bilion atau 19.6% daripada jumlah hasil keseluruhan berjumlah RM261.8 bilion. Peratusan ini telah turun dengan ketara berbanding 41.3% pada 2009 dan mencerminkan bahawa Kerajaan tidak terlalu bergantung kepada hasil berkaitan petroleum. Sehubungan itu, Kerajaan dapat mengurangkan impak perubahan harga minyak mentah dunia ke atas hasil Kerajaan Persekutuan berbanding tempoh terdahulu. Secara purata, perubahan harga minyak mentah sebanyak USD1 setong dianggar memberi impak sebanyak RM300 juta setahun ke atas hasil Kerajaan Persekutuan.

## NO SOALAN : 15

Harga minyak mentah Brent pada 13 September 2019 iaitu sehari sebelum serangan drone ke atas pangkalan minyak di Arab Saudi berada pada paras USD61 setong. Susulan serangan drone tersebut, harga minyak mentah Brent telah meningkat kepada USD68 setong pada 16 September 2019. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah menunjukkan trend penurunan dengan harga terkini pada 2 Oktober 2019 berada pada paras USD58 setong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan awam. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah menetapkan sasaran defisit fiskal pada paras 3.4% daripada KDNK dan dijangka terus menurun dalam tempoh jangka masa sederhana. Sasaran ini seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 telah mengambil kira andaian purata harga minyak mentah dunia yang sederhana antara USD60 hingga USD70 setong.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 2 Oktober 2019, purata harga minyak mentah Brent adalah USD65 setong iaitu masih dalam lingkungan andaian yang dibuat sebelum ini. Sehubungan itu, paras harga minyak mentah dunia pada masa kini dijangka tidak memberi impak yang signifikan ke atas kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2019. Kerajaan juga akan membentangkan anggaran terkini kedudukan kewangan tahun 2019 dan 2020 dalam Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019.